

19 AUG 1996

Najib-Bahasa

BAHASA MELAYU MAMPU BERKEMBANG SEBAGAI BAHASA EKONOMI, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Pendapat bahawa urusan ekonomi dan perdagangan hanya boleh dilakukan dalam Bahasa Inggeris perlu diubah kerana Bahasa Melayu mampu berkembang sebagai bahasa ekonomi yang cekap dan berkesan.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata banyak bukti yang menunjukkan bahawa urusan niaga dan berdagang boleh menggunakan apa juga bahasa termasuk bahasa kebangsaan.

"Pandangan bahawa hanya Bahasa Inggeris boleh menjadi bahasa ekonomi tidak sesuai lagi dengan keperluan negara kita," katanya ketika melancarkan Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta 1996-1998, yang bertujuan untuk meningkatkan nilai ekonomi bahasa kebangsaan, di sini.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa sektor swasta yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara supaya mempertingkatkan penggunaan bahasa kebangsaan.

Najib berkata keperluan urusan dalam dan luar negeri boleh dibezakan dan tidak mustahil semua urusan dalam negeri menggunakan bahasa kebangsaan termasuk urusan ekonomi dan kewangan yang sebahagian besarnya digerakkan oleh sektor swasta.

Beliau melahirkan rasa kecewa bahawa Bahasa Melayu yang menjadi teras pendidikan kebangsaan dan telah menghasilkan cerdik pandai yang kini berkhidmat dalam pelbagai sektor swasta, tidak digunakan secara menyeluruh di sektor itu.

Katanya bagi memastikan bahasa kebangsaan berkembang di sektor swasta, ia perlu menubuhkan pusat latihan bahasa untuk meningkatkan kualiti bahasa kebangsaan di kalangannya.

Najib berkata walaupun bahasa kebangsaan diutamakan, kerajaan menggalakkan rakyat mempelajari dan menguasai bahasa asing untuk tujuan komunikasi dengan dunia luar dan untuk pemerolehan ilmu moden.

Semasa bercakap kepada pemberita kemudian, Najib berkata beberapa program telah dirancang dalam tempoh dua tahun gerakan itu termasuk memilih sebuah rangkaian makanan segera dan rangkaian hotel untuk dijadikan contoh bagaimana urusan perniagaan seharian boleh dijalankan dalam bahasa kebangsaan.

Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Datuk Abdul Rahim Abu Bakar dalam ucapannya berkata program gerakan itu mencakupi empat sektor utama -- sektor perdagangan dalam negeri, sektor industri khusus, sektor kewangan dan perbankan serta sektor media massa.

Pada majlis itu Najib menerima sumbangan pelbagai sektor swasta bagi dana gerakan itu yang bertujuan membiayai aktivitinya. -- BERNAMA

NHD RON